



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

13 JANUARI 2017

**15 MALAYSIAN STANDARD (MS) BARU
BAGI WAYAR DAN KABEL ELEKTRIK,
KURANGKAN RISIKO KECEDEeraan DAN KEMALANGAN**

PUTRAJAYA, 13 JANUARI – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah meluluskan 15 MS baru termasuk MS berkenaan wayar dan kabel elektrik, terutamanya kabel disalut dengan penebat getah bagi voltan tinggi 450/750V untuk mengurangkan risiko kecederaan dan kemalangan di kalangan pengguna dan industri.

Standard-standard berkenaan turut memuatkan spesifikasi kabel dan wayar elektrik bertujuan untuk memastikan ianya sesuai dan selamat untuk digunakan. Di samping itu, ia juga merangkumi kaedah pengujian yang dijangka akan digunakan oleh makmal pengujian perkakasan rumah seperti SIRIM QAS Sdn Bhd. bagi pensijilan produk.

MS yang dibangunkan ini dapat menyokong dan dirujuk dalam akta dan peraturan yang dikuatkuasa oleh badan penguatkuasa, seperti Suruhanjaya Tenaga untuk membantu aktiviti kawal selia yang bertujuan melindungi kepentingan pengguna dan menggalakkan pembangunan ekonomi serta pasaran yang kompetitif dengan cara yang mampan alam.

Selain itu, MOSTI juga telah meluluskan 10 MS baru yang lain termasuk 2 MS berkenaan permukaan tapak permainan kanak-kanak; 9 pindaan ke atas standard yang sedia ada dan 34 standard yang diulangkaji.

Terdapat juga 791 MS sedia ada telah ditarik balik kerana perkembangan pesat teknologi masa kini terutamanya dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat, memandangkan standard berkenaan tidak lagi relevan untuk dijadikan rujukan oleh badan-badan berkepentingan seperti pihak industri, badan pensijilan dan badan penguatkuasa.

Sehingga kini terdapat 5,332 MS yang merentasi pelbagai sektor industri yang telah dibangunkan di bawah MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia.

Adalah menjadi keutamaan MOSTI untuk sentiasa memastikan MS yang dibangunkan relevan di samping memenuhi kehendak industri serta pasaran semasa.



**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Malaysia
Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092**

**Puan Kee Lai Sien
Pegawai Perhubungan Awam
Jabatan Standard Malaysia
No. Telefon: 03-8318 2211
Emel: kee@ism.gov.my**

